

PINDAAN
2025



Kenapa Audit Penting kepada PKS

Kenapa Audit Penting kepada PKS

Buku kecil ini dikeluarkan khas untuk pemilik dan pengurus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi menggambarkan nilai audit luaran. Ia pertama kali diterbitkan pada Disember 2016 dan disemak semula pada Jun 2025 bagi memastikan ia kekal relevan dan berguna.


KANDUNGAN

<i>Apa itu audit?</i>	2
<i>Keistimewaan liabiliti terhad</i>	3
<i>Nilai audit kepada PKS</i>	4
<i>Nilai audit untuk pelanggan anda</i>	8
<i>Memperoleh keyakinan pembekal anda</i>	9
<i>Meningkatkan kredibiliti pendedahan kemampunan</i>	10
<i>Situasi di mana PKS perlu mempertimbangkan audit secara sukarela</i>	11
<i>Memilih juruaudit untuk perniagaan anda</i>	13
<i>MIA: Mengawal selia Profesion Perakaunan Malaysia</i>	14

Hak Cipta © (Jun 2025) oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Semua hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian daripada kerja ini yang dilindungi oleh hak cipta tidak boleh dihasilkan semula atau disalin dalam sebarang bentuk dengan apa-apa cara (grafik, elektronik atau mekanikal, termasuk membuat salinan foto, mencatat, merakam, atau sebarang sistem dapat semula maklumat) tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta terlebih dahulu. Permohonan yang sedemikian boleh diemelkan ke Jabatan Komunikasi Strategik & Penjenamaan di: communications@mia.org.my.

Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan untuk membuat salinan dengan syarat salinan yang sedemikian digunakan untuk kegunaan akademik atau peribadi dan tidak dijual atau disebarkan dan dengan syarat setiap salinan membuat perakuan yang berikut - "Digunakan dengan kebenaran Institut Akauntan Malaysia".


Institut Akauntan Malaysia (MIA) percaya bahawa untuk PKS berkembang pesat adalah penting untuk PKS:




Mengguna pakai kemahiran pengurusan kewangan asas untuk menguruskan aliran tunai yang merupakan nadi sesebuah syarikat



Mempunyai akses kepada kredit dan pembiayaan



Menangani sistem cukai, penggajian dan lain-lan perundangan



Berunding dengan profesional mahir untuk merapatkan jurang antara kemahiran dan pengetahuan

Mengaudit penyata kewangan anda merupakan langkah positif ke arah memenuhi kriteria di atas.

AUDIT ialah mesej KEYAKINAN dan JAMINAN!

APA ITU AUDIT?

Audit, dalam konteks Akta Syarikat, boleh ditakrifkan sebagai satu pemeriksaan bebas terhadap penyata kewangan sesebuah syarikat bagi membolehkan juruaudit menyatakan pendapat sama ada penyata kewangan telah disediakan dalam semua aspek nyata, selaras dengan piawaian perakaunan yang dikenakan dan diluluskan, bagi memberi pandangan yang benar dan wajar tentang kedudukan kewangan dan prestasi kewangan sesebuah syarikat.



Audit dikendalikan menurut Piawaian Pengauditan Antarabangsa dan sebaik selesai, juruaudit akan mengeluarkan satu laporan yang menyatakan pendapat beliau tentang penyata-penyata kewangan tersebut.

“*Di bawah Akta Syarikat 2016, pengarah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Audit bebas bukan sekadar formaliti undang-undang; ia adalah komponen kritikal dalam mengesahkan integriti penyata kewangan dan penting bagi pengarah untuk melaksanakan tugas mereka dengan betul.*

Bagi saya, untuk berada dalam lembaga pengarah sesebuah syarikat, akaun teraudit adalah satu kemestian untuk ketelusan dan tadbir urus yang baik, tanpa mengira saiz syarikat tersebut.”

Dato' Merina Abu Tahir

Pengarah Syarikat

KEISTIMEWAAN LIABILITI TERHAD

Syarikat liabiliti terhad ialah satu struktur korporat yang mana pemilik-pemilikinya bertanggungjawab dari segi undang-undang ke atas hutang syarikat hanya setakat jumlah modal yang mereka laburkan.

Syarikat yang menikmati keistimewaan liabiliti terhad seharusnya mempertimbangkan menjalani audit tahunan untuk perniagaan mereka bagi melindungi kepentingan pengguna pihak ketiga dan lain-lain pihak berkepentingan. Audit boleh dianggap sebagai satu bentuk perkhidmatan kepada orang awam dan merupakan manfaat bernilai yang perlu dibayar bagi perlindungan liabiliti terhad yang dinikmati oleh sesebuah syarikat.



Keistimewaan liabiliti terhad harus disertai dengan akauntabiliti dan keperluan untuk audit bebas.



NILAI AUDIT KEPADA PKS

Audit boleh membantu anda menjimatkan masa dan wang.

Audit memupuk disiplin kewangan

- Audit mewajibkan penyediaan akaun yang lengkap dan teratur. Di bawah Seksyen 245 Akta Syarikat 2016, tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap para pengarah kerana gagal menyediakan penyata kewangan yang mencukupi di mana hukuman yang ditetapkan termasuk denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau penjara untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Di bawah Seksyen 593, tindakan pendakwaan boleh diambil terhadap syarikat dan pengarah yang menyeleweng kerana mengemukakan penyata yang palsu dan mengelirukan. Pada masa ini, hukuman yang ditetapkan di bawah Seksyen 593 termasuk penjara untuk tempoh maksimum 10 tahun, denda tidak melebihi RM3 juta, atau gabungan kedua-duanya.
- Audit berfungsi sebagai penghalang utama terhadap penipuan, pengubahan wang haram dan lain-lain aktiviti haram.

Walaupun proses audit tidak direka untuk mengesan penipuan, tidak dapat dinafikan bahawa dengan ketiadaan audit, penipuan dan kesilapan lebih berkemungkinan untuk berlaku dan berterusan tanpa dikesan jika tiada sebarang pemeriksaan bebas.

“*Audit bagi PKS bukan sekadar tindakan untuk memenuhi kewajipan berkanun. Lebih daripada itu, ia memupuk disiplin dan menggalakkan tadbir urus yang baik dengan berpegang kepada piawaian tertinggi dalam ketelusan dan akauntabiliti.*

Ini meningkatkan kebolehpercayaan sesebuah organisasi, menjadikannya lebih menarik kepada pelabur, institusi kewangan dan rakan niaga, sekali gus membuka laluan ke arah kejayaan jangka panjang.”

Encik Rizal Dato' Nainy

Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corp Malaysia

Penyata cukai yang betul berdasarkan akaun-akaun yang telah diaudit dapat menjimatkan wang anda, mungkin lebih daripada yuran audit anda!

- Akaun teraudit memberi pengesahan bebas terhadap kedudukan kewangan sesebuah syarikat, dengan itu meningkatkan integriti dalam serahan cukai dan mengelakkan penalti.
- Juruaudit boleh mengenal pasti kelemahan dalam pematuhan cukai dan menasihati syarikat agar mengelak daripada melanggar undang-undang cukai dengan tidak sengaja dan mengakibatkan penalti.
- Juruaudit juga boleh memudahkan interaksi syarikat anda dengan pihak berkuasa cukai.

“*Bagi institusi kewangan, penyata kewangan teraudit berfungsi sebagai penunjuk utama kesihatan kewangan dan tadbir urus sesebuah PKS, memberikan kredibiliti yang lebih tinggi semasa menilai permohonan kemudahan kredit.*

Jaminan terhadap penyata kewangan dapat memudahkan akses kepada pembiayaan, memperbaiki syarat pinjaman, dan mengukuhkan kelayakan kredit PKS di mata peminjam serta pemiutang lain.

”

Dato' Khairussaleh Ramli

Pengerusi

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)

Mengurangkan kos pembiayaan

- Penyata kewangan teraudit memainkan peranan penting dalam menaikkan pembiayaan dan modal.
- Tanpa jaminan pendapat audit, para peminjam akan menanggung lebih risiko dan terpaksa menaikkan kos pembiayaan yang akan menjadi tidak produktif bagi PKS walaupun pinjaman boleh diberikan.


Audit membantu dalam membuat keputusan

- Maklumat merupakan nadi kepada perniagaan moden. Maklumat yang mengelirukan atau tidak tepat akan membawa kepada keputusan-keputusan yang tidak baik.
- Audit menambah kebolehpercayaan kerana hasil proses audit tersebut merupakan satu pendapat bebas yang diberikan oleh seorang ahli profesional terlatih yang dikawal selia oleh satu kod etika yang ketat.
- Audit memberi tambah nilai dengan melengkapkan pelbagai pihak berkepentingan dengan maklumat yang lebih tepat, seterusnya membawa kepada keputusan yang lebih baik oleh para pengarah dan pengurus, keputusan pelaburan yang lebih baik oleh para pelabur serta keputusan polisi yang lebih baik oleh pihak berkuasa!

Akses mudah kepada nasihat profesional


- Juruaudit adalah profesional terlatih yang mengkhusus dalam penilaian risiko dan sistem kawalan dalaman.
- Audit boleh memberikan pandangan mendalam kepada pihak pengurusan untuk menambah baik proses-proses perniagaan dan sistem kawalan dalaman.

Dengan bantuan juruaudit, anda akan mempunyai lebih banyak masa untuk menjana pendapatan sambil menikmati ketenangan fikiran kerana keperincian butiran diuruskan oleh pakar.



- ✓ Mengelakkan penalti
- ✓ Memupuk disiplin kewangan
- ✓ Akses kepada nasihat profesional
- ✓ Membuat keputusan lebih baik
- ✓ Mengurangkan kos pembiayaan
- ✓ Peningkatan tumpuan ke atas penjana pendapatan
- ✓ Ketenangan fikiran!

✓ Yuran Audit



NILAI AUDIT UNTUK PELANGGAN ANDA

Kepercayaan adalah penting dalam sebuah perniagaan moden. Audit memberi pelanggan mesej-mesej yang kuat tentang¹:

- Pengurusan kewangan perniagaan;
- Etos pengurusan kanan syarikat;
- Kekuatan dan kecekapan perniagaan;
- Integriti operasi syarikat.

1 ACCA (2008). *Why audit matters: Your guide to the benefits of the audit*, halaman 8.

MEMPEROLEH KEYAKINAN PEMBEKAL ANDA




Kredit merupakan satu isu besar bagi para pembekal. Mereka ingin tahu sama ada seseorang pelanggan mempunyai kepercayaan kredit dan sesebuah syarikat itu membayar bil-bilnya tepat pada masa serta akan kekal mampu membayar hutang di masa hadapan.

Audit yang dikendalikan secara bebas dan profesional boleh membawa perbezaan bagi pembekal yang bereputasi untuk melanjutkan kredit atau menolaknya.

Komitmen kepada audit membuktikan kepada pelanggan dan pembekal bahawa anda adalah rakan niaga yang diurus dengan baik, boleh dipercayai, terbuka kepada nasihat ahli profesional dan berminat untuk kekal bersaing dalam persekitaran perniagaan.





MENINGKATKAN KREDIBILITI PENDEDAHAN KEMAMPMAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kemampanan telah menjadi semakin penting bagi PKS disebabkan oleh peningkatan jangkaan daripada pengawal selia, pelanggan dan rakan niaga. Pelaksanaan amalan mampan membantu PKS memperbaiki akses pasaran, peluang pembiayaan, kecekapan operasi dan daya tahan jangka panjang.

Professional perakaunan memainkan peranan penting dalam proses ini dengan berkhidmat sebagai penasihat kemampanan dan penyedia jaminan. Sebagai penasihat kemampanan, professional perakaunan memberi panduan yang bernilai kepada PKS dalam mengintegrasikan prinsip kemampanan/ESG ke dalam operasi dan strategi perniagaan, mendorong amalan bertanggungjawab dan membantu perniagaan berkembang dalam persekitaran yang lebih mampan dan berdaya saing.

Dalam peranan mereka sebagai penyedia jaminan kemampanan, akauntan meningkatkan kebolehpercayaan dan ketelusan pelaporan kemampanan/ESG, sekaligus membina kepercayaan di seluruh rantai bekalan.

SITUASI DI MANA PKS PERLU MEMPERTIMBANGKAN AUDIT SECARA SUKARELA

MIA menjangkakan banyak PKS akan terus mendapatkan khidmat audit profesional dan menerima manfaat daripada audit luar.

MIA menggesa semua syarikat yang layak untuk menyemak dan mempertimbangkan dengan teliti kriteria pengecualian audit yang telah dikemas kini serta mendapatkan nasihat daripada profesional perakaunan apabila perlu. Pertimbangan menyeluruh terhadap implikasi adalah penting agar pemilik PKS dapat membuat keputusan yang berdasarkan maklumat mengenai keperluan pematuhan mereka. Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh firma perakaunan, sila rujuk penerbitan MIA bertajuk *Panduan Kecemerlangan Perniagaan untuk PKS*.

Bagi syarikat yang diberikan pengecualian audit, berikut adalah situasi-situasi di mana PKS mungkin ingin mempertimbangkan audit secara sukarela:

- Penyata kewangan teraudit adalah mandatori untuk mendapatkan kontrak dengan pelanggan-pelanggan yang penting, termasuk badan kerajaan tempatan dan organisasi besar.
- Apabila kekurangan pasukan kewangan yang berpengalaman, mendapatkan pendapat bebas mengenai penyata kewangan boleh meningkatkan kualiti maklumat yang dilaporkan.
- Audit memberikan keyakinan kepada peminjam dan pelabur mengenai kebolehpercayaan dan integriti penyata kewangan.
- PKS perlu menilai trajektori pertumbuhan perniagaan mereka, mengimbangi potensi manfaat pengecualian audit berbanding risiko menanggung kos audit yang besar untuk melaksanakan kerja ke atas baki pembukaan, jika mereka tidak lagi layak untuk pengecualian audit.
- Apabila mempertimbangkan untuk menjual perniagaan, rekod kewangan teraudit yang konsisten selama beberapa tahun meningkatkan kepercayaan di kalangan pembeli berpotensi.
- Bagi organisasi berprofil tinggi dengan pembacaan penyata kewangan yang luas, kredibiliti tambahan boleh menjadi sangat berharga.

- Pemilihan perkhidmatan yang dikawal selia dan tertakluk kepada kawalan kualiti yang ketat mungkin menjadi pendekatan yang lebih diutamakan.
- Dalam konteks pematuhan cukai, peralihan kepada penyata kewangan tidak teraudit menimbulkan kebimbangan mengenai kebolehpercayaan dan boleh meningkatkan beban dan tanggungjawab ke atas ejen cukai.

Apabila sesebuah syarikat dikecualikan daripada audit tetapi masih terus mengaudit akaun-akaunnya, ini akan memberi isyarat yang kuat bahawa:

- Ia menganggap pengurusan kewangannya sebagai satu keutamaan tinggi;
- Maklumat kewangan yang diterbitkan dapat berdepan dengan pemeriksaan luar;
- Ia berkeyakinan penuh tentang kualiti operasinya untuk membenarkan penelitian dari luar.

MEMILIH JURUAUDIT UNTUK PERNIAGAAN ANDA

Di Malaysia, hanya juruaudit syarikat yang diluluskan, iaitu seorang ahli MIA dengan sijil amalan dan telah lulus temuduga audit yang dikendalikan oleh Jabatan Akauntan Negara serta telah memperolehi kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MoF) selaras dengan Akta Syarikat, boleh dilantik sebagai juruaudit syarikat.

Syarikat-syarikat harus mempertimbangkan kriteria penting berikut semasa menilai bakal juruaudit:

- **Kelayakan dan Lesen:** Dapatkan maklumat mengenai kelayakan dan status pelesenan juruaudit.
- **Struktur Yuran:** Fahami asas pengiraan dalam menentukan caj yuran perkhidmatan.
- **Pengalaman Khusus Sektor:** Menilai pengalaman juruaudit dalam sektor industri yang berkaitan dengan syarikat.
- **Kelayakan Kakitangan Profesional:** Selidiki kelayakan dan pengalaman individu yang akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan audit.
- **Perkhidmatan Tambahan:** Ketahui jika juruaudit menawarkan perkhidmatan tambahan selain daripada prosedur audit standard.

Dengan mempertimbangkan faktor-faktor ini secara teliti, syarikat akan dapat memilih juruaudit yang bersesuaian serta mempunyai kepakaran dan pengalaman yang diperlukan.

Bekerja dengan seorang akauntan bertaualiah sebagai penasihat perniagaan akan memastikan lebih banyak PKS dapat bertahan, maju dan menyumbang kepada keseluruhan pembangunan ekonomi.



MIA: MENGAWAL SELIA PROFESION PERAKAUNAN MALAYSIA

Institut Akauntan Malaysia (MIA) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967. Ia diberi kuasa menurut undang-undang untuk mengawal selia profesion perakaunan di Malaysia.

Sebagai badan perakaunan kebangsaan, MIA menetapkan piawaian etika yang tinggi yang mesti dipatuhi oleh semua akauntan di Malaysia. Semua akauntan terikat dengan *MIA By-Laws*. Sebarang pelanggaran terhadap *MIA By-Laws* boleh menyebabkan seseorang ahli itu dikenakan tindakan disiplin. Ahli boleh digantung atau dibuang keahlian, bergantung kepada tahap keamatan ketakpatuhan tersebut.

Ahli-ahli MIA tertakluk kepada pengawalseliaan dan orang awam mempunyai ruang untuk membuat aduan kepada Institut sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Orang ramai juga mendapat jaminan bagi kualiti khidmat profesional yang diharapkan kerana semua ahli MIA diwajibkan untuk memperolehi jam minimum pendidikan profesional berterusan pada setiap tahun bagi memastikan mereka dilengkapi dengan maklumat teknikal terkini walaupun selepas menjadi seorang akauntan terlatih.



Penafian

1. Dokumen ini hanya mengandungi maklumat umum dan MIA tidak, melalui dokumen ini, mengemukakan sebarang nasihat atau perkhidmatan profesional. Dokumen ini bukan pengganti kepada nasihat atau perkhidmatan profesional yang sedemikian, dan ia juga tidak patut digunakan sebagai asas kepada sebarang keputusan atau tindakan yang boleh menjejaskan perniagaan anda. Sebelum membuat sebarang keputusan atau mengambil sebarang tindakan yang boleh menjejaskan perniagaan anda, anda patut menghubungi seorang penasihat profesional.
2. Walaupun segala usaha telah diambil dengan berhati-hati dalam mengumpulkan kandungan dokumen ini, MIA tidak membuat sebarang representasi atau jaminan (nyata atau tersirat) tentang ketepatan, kesesuaian, kebolehpercayaan atau kesempurnaan maklumat untuk sebarang tujuan.
3. MIA, para pekerjaanya atau ejen-ejenjnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak atas sebarang kerugian, kerosakan atau kos yang walau bagaimana cara ia timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada sebarang tindakan atau keputusan yang diambil (atau tidak diambil) akibat seseorang itu bergantung kepada atau sebaliknya menggunakan dokumen ini atau yang timbul daripada sebarang peninggalan daripadanya.



MALAYSIAN INSTITUTE
OF ACCOUNTANTS

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ibu Pejabat

Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Dewan Akauntan

Unit 33-01, Aras 33, Menara A, The Vertical, Avenue 3,
Bangsar South City, No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel +603-2722 9000 Faks +603-2722 9100

E-mel: smp@mia.org.my

www.mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Johor

Institut Akauntan Malaysia (MIA)

5.03A, Tingkat 5 Menara TJB
9, Jalan Syed Mohd Mufti
80888 Ibrahim International Business District
Johor

Tel +607-227 0369 Faks +607-222 0391

E-mel: miajbu@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Utara

Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Suite 3.4, Aras 3
Wisma Great Eastern
25 Lebuhraya
10200 Pulau Pinang

Tel +604-261 3320 Faks +604-261 3321

E-mel: miapng@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Sabah

Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Lot 6, Tingkat Dua, Block A
Damai Point Commercial Centre
Off Jalan Damai, Luyang
88300 Kota Kinabalu
Sabah

Tel +6088-261291 Faks +6088-261290

E-mel: miakku@mia.org.my

Pejabat Serantau MIA Sarawak

Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Tingkat 1, Ultimate Professional Centre
16 Jalan Bukit Mata Kuching
93100 Kuching
Sarawak

Tel +6082-418 427 Faks +6082-417 427

E-mel: miakch@mia.org.my